

**Penubuhan Makmal Politik Pastikan BN Kekal Relevan Di Mata Rakyat - Najib
Bernama
25 Jun, 2013**

KUALA LUMPUR, 25 Jun (Bernama) -- Penubuhan makmal politik adalah bagi memastikan parti Barisan Nasional (BN) kekal relevan di mata rakyat, kata Datuk Seri Najib Tun Razak.

"Makmal politik akan ditubuhkan untuk memastikan parti @barisanasional kekal relevan di mata rakyat," kata Perdana Menteri dalam tweet terbaharu beliau pada Selasa.

Semalam, Najib berkata Dewan Tertinggi BN memutuskan penubuhan makmal politik bulan depan untuk membuat cadangan khusus mengenai perubahan yang perlu dilakukan kepada parti gabungan itu.

Katanya makmal berkenaan akan melihat sama ada perubahan itu melibatkan struktur, penjenamaan atau dasar BN atau ketiga-tiganya sekali bagi memastikan BN terus berjaya pada masa akan datang.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=958718>